

Kenaikan gaji penjawat awam, bantuan tunai sokong ekonomi



Pelbagai inisiatif Belanjawan 2026 pacu permintaan domestik, rangsang pertumbuhan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pelbagai langkah untuk meningkatkan pendapatan rakyat di bawah Belanjawan 2026 dijangka terus memacu permintaan domestik, sekali gus menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun depan.

Dalam tinjauan 2026 bagi Malaysia, Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB) berkata, antara langkah terpenting yang menyokong pertumbuhan negara termasuk pelaksanaan Fasa 2 kenaikan gaji penjawat awam, semakan pencen serta penyediaan bantuan tunai berterusan kepada isi rumah dan individu berpendapatan rendah.

Katanya, asas unjuran per-

mintaan domestik yang berdaya tahan turut datang daripada momentum pertumbuhan mapan dalam penggunaan swasta.

"Faktor ini disokong langkah berkaitan pendapatan dalam Belanjawan 2026, selain jangkaan berterusannya situasi guna tenaga penuh berikutan kadar pengangguran yang rendah dan stabil pada 3.1 peratus tahun depan berbanding 3.0 peratus pada 2025," katanya.

Maybank IB berkata, peningkatan stabil gaji sektor swasta, pembayaran bonus serta pertumbuhan pampasan pekerja dalam ekonomi lebih meluas turut memperkukuh sentimen pengguna.

Dalam masa sama, katanya, sektor pelancongan yang masih berkembang pasca pandemik dijangka menerima lonjakan tambahan melalui pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026 bagi menyokong perbelanjaan pelawat asing.

Bank pelaburan itu menjangkakan kombinasi pertumbuhan yang mampan, kadar inflasi rendah dan stabil (1.7 peratus pada 2026 berbanding 1.4 peratus pada 2025) akan membolehkan Bank

Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 2.75 peratus sepanjang tahun depan.

Berdasarkan keseluruhan faktor domestik itu, Maybank IB mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar pada kadar 4.5 peratus bagi 2026, sedikit perlahan berbanding 4.7 peratus yang dianggarkan bagi 2025.

"Pertumbuhan ini dijangka dipacu permintaan domestik yang berkembang 6.0 peratus, didorong penggunaan swasta pada 5.1 peratus dan pelaburan tetap kasar pada 9.7 peratus," katanya.

Sementara itu, Maybank IB menjelaskan, pelaburan swasta dijangka berkembang 9.9 peratus, manakala pelaburan awam meningkat 8.9 peratus tahun depan.

Bagaimanapun, katanya, perbelanjaan awam dijangka lebih perlahan kepada 3.9 peratus berbanding 6.0 peratus pada 2025.

Bagi sektor luaran, permintaan bersih dijangka kekal negatif pada -14.8 peratus berbanding -6.1 peratus pada 2025 susulan pertumbuhan import yang lebih tinggi pada 4.5 peratus berbanding eksport pada 3.5 peratus.

ding eksport pada 3.5 peratus.

Pelaburan meningkat

Maybank IB berkata, jurang melebar itu mencerminkan keperluan import input dan barangan modal yang meningkat seiring pelaburan dan aktiviti pengeluaran domestik.

Dari sudut pelaburan, ia berkata, Malaysia kekal berada dalam kitaran kenaikan pelaburan, disokong kelulusan pelaburan swasta yang kukuh berpu-rata RM334 bilion setahun sejak 2021 berbanding RM188 bilion antara 2010 hingga 2019.

Dalam tempoh sembilan bulan 2025, pelaburan swasta yang diluluskan meningkat 13.2 peratus kepada RM285 bilion.

Maybank IB menambah, lebih keuntungan korporat berdasarkan komponen Lebihan Operasi Kasar memberi gambaran bahawa syarikat berada dalam kedudukan untuk terus melaksanakan perbelanjaan modal, sekali gus menyokong pertumbuhan pelaburan tetap kasar.

Antara pemangkin utama kitaran pelaburan termasuk Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), selain pengumuman

rangka kerja insentif pelaburan baharu (NIIF) bagi sektor pembuatan pada suku pertama 2026 dan sektor perkhidmatan pada suku kedua 2026.

Projek besar seperti LRT Laluan Mutiara, ART Johor Bahru, projek elektrik berkembar Lembah Klang fasa kedua bernilai RM4.1 bilion, projek kabel dasar laut SALAM bernilai RM2 bilion serta pelaburan awan berdaulat kecerdasan buatan (AI) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) turut memperkukuh momentum pelaburan.

Dari perspektif politik domestik, Maybank IB berkata, landscape negara akan dipengaruhi beberapa pilihan raya negeri (PRN) termasuk Melaka pada 2026, sebelum Sarawak dan Johor, diikuti pembubaran automatik Parlimen pada Disember 2027.

Katanya, keputusan PRN Sabah pada November lalu menunjukkan kecenderungan pengundi terhadap isu setempat dan dijangka memberi isyarat tertentu terhadap sentimen politik menjelang tempoh pilihan raya umum akan datang.